

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]**

TARIKH : 23 MAC 2015

RUJUKAN : 7538

SOALAN:

Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil terhadap mereka yang menghasut agar Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia seperti mana yang dilakukan oleh banyak pihak di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Gerakan menghasut untuk mengeluarkan Sabah dan Sarawak daripada Persekutuan Malaysia adalah membimbangkan dan merupakan satu perkara yang amat serius.

Bagi mengekang perkara ini agar tidak berulang dan berlanjutan, Kerajaan sedang mengkaji pindaan terhadap Akta Hasutan 1948 dengan mencadangkan supaya mengenakan hukuman yang berat terhadap pesalah yang cuba melakukannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
[GELANG PATAH]**

TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN : 39

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kesan projek penambakan laut projek Forest City (5000 ekar penambakan laut) dan Tanjung Piai Maritime Industrial Park (3000 ekar penambakan laut) terhadap keselamatan pelayaran di perairan Selat Johor yang berdekatan dengan laluan kapal perdagangan antarabangsa Pelabuhan Tanjung Pelepas dan laluan ratusan bot nelayan tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kapal-kapal dagang yang memasuki Pelabuhan Tanjung Pelepas akan menggunakan alur pelayaran atau, dengan izin *navigational channel* yang ditetapkan. Kedua-dua projek tambakan laut untuk Forest City dan Tanjung Piai *Maritime Industrial Park* untuk kapal dagang pada dasarnya tidak menjejaskan alur pelayaran sedia ada.

Walau bagaimanapun, kawasan yang ditambah ini akan mengurangkan ruang perairan secara amnya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengenakan syarat kepada Syarikat untuk melaksanakan, dengan izin, *Detailed Environmental Impact Assessment* dan *Marine Traffic Risk Assessment* termasuk, dengan izin, *full ship simulation modeling* yang bertujuan untuk mengkaji impak serta risiko berbangkit pelaksanaan projek terhadap keselamatan pelayaran dan mengenalpasti langkah-langkah bagi memastikan impak dan risiko adalah rendah.

Marine Traffic Risk Assessment pada dasarnya terbahagi kepada dua peringkat iaitu awalan yang bertujuan mengkaji situasi pergerakan kapal-kapal bagi tujuan kerja-kerja penambakan semasa projek berjalan dan peringkat akhir yang akan mengesyorkan langkah-langkah mitigasi ke atas keselamatan pengoperasian kapal dan pelayaran di perairan berkenaan di fasa akhir pembangunan projek.

Di samping itu, semasa kerja-kerja penambakan dilaksanakan, Jabatan Laut Malaysia juga mengeluarkan, dengan izin *notice to mariners* untuk memaklumkan aktiviti yang sedang berjalan di kawasan penambakan bagi memastikan aspek keselamatan pelayaran terjaga.